

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI DR. SANTHARA [ SEGAMAT ]**

**SOALAN**

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada MITRA mempunyai kepakaran, sumber tenaga kerja dan arah tuju yang dipersetujui oleh masyarakat India dalam menjalankan mandatnya.

**JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L  
PONNUSAMY, MENTERI DI JABATAN PERDANA  
MENTERI (PERPADUAN NEGARA DAN  
KESEJAHTERAAN SOSIAL)**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) mempunyai 28 tenaga kerja yang terdiri daripada 40% kumpulan pengurusan dan 60% kumpulan pelaksana. Komposisi di peringkat kumpulan pengurusan MITRA merangkumi pakar-pakar daripada sektor kerajaan, sektor swasta dan badan bukan kerajaan (NGO). Manakala kumpulan pelaksana adalah kebanyakannya dari kalangan graduan baru yang pernah bekerja di bawah pentadbiran terdahulu.

Dari segi kepakaran di peringkat kumpulan pengurusan, kakitangan dari sektor swasta dilantik dari kalangan mereka yang mempunyai pengalaman meluas dalam pelbagai bidang seperti elektronik, pembuatan, teknologi, *oil and gas* dan makanan. Kakitangan yang mempunyai latarbelakang NGO pula adalah terdiri daripada

individu yang arif dalam pelaksanaan program-program bertaraf nasional bagi pembangunan sosioekonomi masyarakat India Malaysia. Lantikan bagi kakitangan dari sektor kerajaan pula merangkumi skim Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (DG) yang berpengetahuan dan berpengalaman dalam memastikan pelaksanaan MITRA adalah selari dengan hasrat dan dasar kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi memastikan pengoperasian dan pengurusan MITRA adalah secara optimum dan berkesan, organisasi ini memerlukan sekurang-kurangnya 150 kakitangan di peringkat Persekutuan, Negeri dan kawasan-kawasan Parlimen. Keperluan ini akan membolehkan MITRA menjalankan fungsi-fungsi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap inisiatif-inisiatif yang disasarkan kepada golongan B40 secara menyeluruh sebagai agenda utamanya.

Seperti yang telah dinyatakan, MITRA kini mengalami kekangan tenaga kerja yang ketara dan perkara ini perlu diselesaikan segera. Selain itu, saya turut berpandangan bahawa dasar kerajaan dalam pengurangan penjawat awam secara tidak langsung telah menjadi halangan utama bagi MITRA untuk mendapatkan tenaga kerja yang optimum.

Sekian, terima kasih.